

10 JAN 1996

Lebuh raya

DR MAHATHIR SARAN PEMBINAAN TEROWONG DAN JAMBATAN DI KAWASAN LERENG

KUALA LUMPUR, 10 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menyarankan agar lebih banyak terowong dan jambatan disediakan di kawasan lereng dan cerun bukit bagi mengelak pemotongan bukit untuk pembinaan lebuh raya.

Perdana Menteri telah memberitahu mesyuarat Kabinet hari ini bahawa pembinaan lebuh raya hendaklah diteruskan tetapi tidak dengan cara memotong bukit atau tumbuh-tumbuhan di sekitarnya bagi memelihara mutu alam sekitar, kata Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Hieng Ding.

Beliau memberitahu pemberita selepas mesyuarat mingguan di pejabatnya di sini bahawa Dr Mahathir meminta pembinaan lebuh raya dilakukan dengan cara yang lebih sesuai dengan keadaan alam semula jadi.

Katanya Perdana Menteri membuat saranan itu ekoran kejadian tanah runtuh di KM303.8 Lebuh Raya Utara Selatan dekat Gua Tempurung Sabtu lepas yang mengakibatkan seorang kelindan lori terbunuh.

Mengenai pencemaran di perairan negara, Law berkata kerajaan sedia memberi ganjaran kepada pengendali kapal dagang dan bot nelayan yang memberi maklumat kepada pihak berkuasa berhubung kejadian pembuangan sisa di perairan negara.

Bagaimanapun, kadar dan bentuk ganjaran belum ditentukan.

Katanya pengendali kapal dagang dan bot nelayan tempatan juga telah memberi jaminan untuk membantu kerajaan dalam usaha itu semasa beliau berdialog dengan mereka di sini semalam.

"Mereka diminta bersikap lebih patriotik dengan menjadi mata dan telinga kerajaan dengan memaklumkan kepada pihak berkuasa jika melihat mana-mana kapal asing membuang bahan ke laut hingga mencemarkan persekitarannya," katanya.

Beliau berkata 30 wakil syarikat perkapalan dan bot nelayan termasuk pemilik, pengendali, pengusaha, pegawai-pegawai dari Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia (MISC) dan Tentera Laut Diraja Malaysia menghadiri dialog itu yang diadakan di kementeriannya. -- BERNAMA